

10/12/2003

Formula Tun Dr M boleh selamatkan parti Dayak

Muhd Yusuf Abu Bakar

SELEPAS Pendaftar Pertubuhan (ROS) membatalkan pendaftaran Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Jumaat lalu, kini ramai pihak di Sarawak menuding jari menyalahkan ROS kerana menyebabkan parti itu terkubur untuk sementara waktu.

Selain kumpulan yang bertelagah diketuai Presiden parti, Datuk Sri Daniel Tajem, melahirkan rasa kecewa terhadap tindakan ROS itu kerana tidak memberi sebab dan alasan bagi membatalkan parti itu, golongan menengah Dayak turut melahirkan perasaan sama.

Tindakan menyalahkan ROS kerana pembatalan PBDS sepatutnya tidak berlaku jika pemimpin yang bertelagah, sedia menyelesaikan masalah mereka di meja rundingan.

Sebaliknya, masing-masing merasakan mereka patut jadi pemimpin dan ROS perlu mengikut kehendak mereka - sesuatu yang tidak logik kerana badan berkenaan sudah menghantar notis tunjuk sebab dan meminta mereka menyelesaikan krisis secara baik.

Kini ROS pula menjadi `kambing hitam' kerana membatalkan PBDS, bukannya kerenah pemimpin yang bertelagah sehingga menyebabkan parti yang suatu ketika dihormati kerana memperjuangkan hak masyarakat Dayak tumbang kerana masalah pemimpin sendiri.

Sepatutnya, selepas mendengar nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pemimpin parti yang bertelagah iaitu Tajem dan Datuk Dr James Jimut Masing berlembut dan duduk bersama menyelesaikan kemelut yang dihadapi.

Bagaimanapun, nasihat Pak Lah nampaknya sama seperti yang diberikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, tidak diberi perhatian, sebaliknya masing-masing membawa haluan sendiri.

Untuk tempoh terdekat, kedua-dua pemimpin bertelagah nampaknya semakin sukar untuk duduk berbincang bagi menyelesaikan masalah sesama mereka.

Seorang penganalisis politik tempatan ketika diminta mengulas masa depan PBDS selepas dibatalkan pendaftarannya berkata, Tajem dan Masing tidak akan ke meja rundingan bagi berdamai.

"Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan, ternyata kedua-dua pihak enggan mengalah walaupun Masing agak lebih diplomasi ketika diaju persoalan untuk berdamai," katanya.

Beliau berkata, apa yang boleh dilakukan bagi menyelamatkan parti berkenaan ialah menggunakan formula Dr Mahathir bagi menyelesaikan masalah MCA dengan meminta kedua-dua pemimpin bertelagah berundur.

"Dengan meminta Tajem dan Masing berundur, pemimpin muka baru dari kedua-dua puak boleh diminta menyelesaikan masalah mereka dan kembali menguatkan PBDS. Itu lah satu-satunya formula yang boleh menyelamatkan parti Dayak berkenaan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, adakah Tajem dan Masing akan berfikiran seperti pemimpin MCA dalam menyelesaikan masalah parti?

Sebenarnya ramai yang ingin mencari jawapan mengenai punca sebenar krisis berkenaan yang menyebabkan kedua-dua pihak bertelagah tidak dapat duduk berbincang untuk mengatasi masalah parti.

"Masyarakat Dayak kini tercari-cari apa sebenarnya punca kepada kemelut yang berlaku sekarang, adakah pemimpin mereka mengejar kedudukan atau ada agenda lain yang tersembunyi, sehingga sanggup mengorbankan parti... adakah ia berkaitan dengan tanah adat yang kini menjadi isu panas di kalangan masyarakat Dayak," kata penganalisis berkenaan tanpa memberi

ulasan lanjut.

Apapun puncanya, parti Dayak kini dalam keadaan cukup genting, baik Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), PBDS mahupun Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP) kerana pilihan raya Parlimen semakin dekat.

Ini kerana SNAP dan SPDP masih berebut empat kawasan pilihan raya Parlimen yang diperuntukkan kepada parti itu untuk meletakkan calon, belum habis perebutan itu, kini PBDS pula berhadapan masalah yang sama dengan enam kawasan Parlimen milik mereka.

Walaupun BN boleh mencapai kemenangan dalam pilihan raya Parlimen akan datang, masalah yang dihadapi SNAP, SPDP dan PBDS sekarang perlu diatasi segera bagi mengelakkan ia berlarutan sehingga menjejaskan jentera pilihan raya parti.